

**1 LEMPAS OTAK**

Sebelum meninggalkan kerjaya sekarang, berbincanglah dengan kawan-kawan, keluarga, mentor atau individu yang mengenali anda dengan baik. Mungkin mereka menyedari sesuatu yang tidak anda sedari, jenis kemahiran yang mesti digilap serta masalah yang mungkin timbul. Sesi lempas otak atau *brainstorming* ini pasti memberikan input-input berbeza.

2 KEMAS KINI RESUME & LINKEDIN

Apa perbezaannya? *Resume* berbentuk formal, spesifik tentang bidang tugas serta pengalaman kerja yang lalu, sementara *LinkedIn* pula bersifat sosial, lebih meluas dan boleh menghubungkan kerjaya sekarang dengan kerjaya masa depan. Jadi, kemas kini keduanya.

3 BELAJAR BAHASA MEREKA

Bahasa dalam sesuatu organisasi menyerlahkan budaya, keutamaan dan nilai mereka. Anda boleh meneliti bahasa ini dalam website, *job descriptions* atau ketika sesi *networking* dengan para pekerja di sana. Apakah ayat atau perkataan yang selalu diulang-ulang? Berlatih ‘bahasa’ ini dan sertakannya dalam *resume* anda.

4 TEMU DUGA

Bina naratif yang jelas dan menarik tentang mengapa anda mahu bertukar kerjaya. Dedahkan persamaan kerja dahulu atau kemahiran yang dimiliki, yang boleh menjadikan anda sebagai calon terbaik untuk dilantik bekerja. Jangan lupa menggunakan ‘bahasa’ mereka dan jangan sesekali mengkritik majikan lama.

6 PELAJARAN PENTING SEBELUM BERTUKAR KERJAYA

Bertukar kerjaya, sama ada beralih dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain, ataupun meneroka industri berbeza, boleh menjadi satu proses peralihan yang merumitkan. Untuk mendepani masa depan di tempat baru, bagaimana caranya untuk ‘mengahwinkan’ pengalaman lalu dengan cabaran masa kini? Semak caranya.

PENULIS: NORZALINA MOHD ALIAS

5 BERUNDING DENGAN TAWARAN KERJA

Ramai orang takut untuk berunding, bimbang kiranya tawaran kerja yang dimohon akan ditolak. Sebenarnya jika teknik rundingan betul, anda boleh mendapatkannya. Malah jika telah ditawarkan bekerja, dan organisasi tersebut mahu anda menerimanya, mereka pasti akan mempertimbangkan permintaan tersebut. Caranya:

- Yang terbaik jika anda mendapat tawaran lebih baik daripada organisasi lain. Peluang untuk mendapat *counteroffer* lebih cerah.
- Tahu nilai diri dan kerjaya anda berdasarkan pasaran semasa.
- Periksa faedah kerja dan buat keutamaan penting jika tiada peluang untuk berunding soal kerja. Anda masih boleh berunding soal ekuiti, bonus, waktu cuti atau elauan khas.

6 JAGA EMOSI

Proses bertukar kerjaya boleh menjadi satu pengalaman emosi *roller coaster*. Jadi pastikan anda selalu membuat aktiviti yang dapat memberi keyakinan diri apabila berjumpa orang lain. Jangan termakan kata-kata stereotaip yang menghalang anda daripada mengejar cita-cita. Cubalah perkara baru, bereksperimen dan mulakan *networking* untuk meneroka pelbagai peluang lain di luar kotak fikiran kita. ■